

- LEMBARAN KERJA -

**KAEDAH PENYEDIAAN
RANCANGAN PERNIAGAAN**

DISEDIAKAN UNTUK :-

ENCIK AMRAN AWANG
PENSYARAH ETR 300

DISEDIAKAN OLEH :-

MAI ZURWATUL AHLAM BT. MOHD JAAFAR
NORZILA BT NGADIMAN
RAFIDAH BT SAADON
ROHIYZA BT BA'AN
AZWIN BT ALIAS

DIPLOMA SAINS

KUMPULAN 05

4 SEPTEMBER 1997

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Muka Surat Tajuk

Surat Penyerahan	i - ii
Isi Kandungan	iii
Logo Perniagaan	iv - vii
Muqadimah	Viii
Penghargaan	Ix
Pengenalan	1 - 6
Tujuan	7 - 9
Latar Belakang Perniagaan	10 - 11
Latar Belakang Ahli Kongsi	12 - 16
Latar Belakang Projek	17 - 21
Rancangan Pemasaran	22 - 59
Rancangan Operasi	60 - 73
Rancangan Pentadbiran	74 - 87
Rancangan Kewangan	89 - 114
Rumusan	115
Lampiran 1	

1.0 PENGENALAN

Wawasan negara Malaysia dalam membangunkan ekonomi negara ialah pemasaran tanpa jaringan. Dewasa ini, ilmu teknologi maklumat mendapat tempat pertama sebagai daya tarikan untuk memajukan dunia perniagaan di Malaysia, khasnya.

Justeru itu, bagi merealisasikan aspirasi negara ini, adalah menjadi iltizam kami menyahut cabaran ini. Multi- Herbs Web Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat bumiputera 100% yang beroperasi berasaskan teknologi komputer dan mengikut garis panduan Islam. Syarikat ini terdiri daripada lima orang ahli kongsi yang telah berkompromi untuk melibatkan diri secara langsung dalam bidang ini. Kami berhasrat ingin mengglobilisasikan bidang herba ini secara lebih terbuka, lebih menyeluruh dan lebih komersial. Multi-Herbs Web Sdn Bhd ingin menjadikan teknologi komputer sebagai medium perantaraan dan keperluan asas dalam perniagaan ini.

Lokasi perniagaan bertempat di bangunan City Plaza Alor Setar, Kedah. Disinilah, operasi termasuk operasi pemasaran, operasi pentadbiran, operasi kewangan dan sebagainya diuruskan. Kami berpendapat lokasi ini adalah strategik kerana ia terletak di pusat bandar, populasi penduduk disekitarnya adalah tinggi dan ia berhampiran dengan café berinternet yang mempunyai kesaman dengan penggunaan teknologi yang diperaktikkan di syarikat kami.

Modal permulaan yang kami anggarkan untuk memulakan perniagaan ini adalah RM 205,000. Setiap rakan kongsi menyumbangkan sebanyak RM 205,000 di mana syer setiap ahli adalah 10%. Selebihnya, kami ingin membuat pinjaman sebanyak RM 55,00 berserta 2 orang penjamin.

PEMASARAN

Tumpuan pasaran kami adalah di seluruh negeri Kedah terutamanya di sekitar kawasan bandar. Manakala sasaran pasaran utama bagi syarikat kami adalah semua penduduk Alor Setar tanpa mengira umur serta para pelancong tempatan.

Terdapat persaingan yang hebat di sekitar Kedah terutamanya di kalangan bukan bumiputera. Namun begitu kami yakin Muti –Herbs Web Sdn Bhd akan dapat beroperasi dengan lancar dan mempunyai psaran yang luas kerana kami mempunyai beberapa keistimewaan yang tersendiri.

Diantara strategi pemasaran ialah mengadakan kepelbagaian daya tarikan dan potongan harga kepada pelanggan –pelanggan yang menjadi ahli kepada syarikat herba ini.